SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Ikmal syor pelaut diberi vaksin fasa pertama

# Ikmal syor pelaut diberi vaksin fasa pertama

| | 14 Februari 2021



Ikhtisas Kelautan Malaysia (Ikmal) syor agar pelaut negara turut diberi keutamaan untuk menerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

A- A+

KUALA LUMPUR - Ikhtisas Kelautan Malaysia (Ikmal) mengesyorkan agar pelaut negara turut diberi keutamaan untuk menerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

Baca cerita seterusnya >

Ikmal dalam keny dapat menyokong ranta

Langkah itu juga katanya, dijangka dapat mengurangkan sekatan perjalanan ke atas pelaut sekali gus mengelak mereka terperangkap di atas kapal setelah tamat kontrak.

Menurut kenyataan tersebut, sektor pengangkutan laut memainkan peranan penting dari segi ekonomi dan sokongan logistik ketika pandemik Covid-19 kerana pelabuhan terus dibuka untuk memastikan rantaian bekalan tidak terjejas dengan 90 peratus dagangan dunia diangkut melalui jalan laut.

"Di sebalik pergerakan logistik marin yang tidak pernah berhenti ini, terdapat 1.6 juta pelaut di seluruh dunia yang memastikan kapal sentiasa beroperasi untuk membawa pelbagai jenis barangan termasuklah bahan api, makanan dan ubat-ubatan," katanya.

Jelas kenyataan itu, pelaut negara tidak terkecuali dalam ekosistem itu dan dianggarkan kira-kira 40,000 orang terus bertugas walaupun terpaksa berdepan pelbagai kesukaran.

"Mengikut anggaran Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), terdapat 400,000 pelaut yang terperangkap di atas kapal di seluruh dunia dan tidak dapat pulang ke negara asal setelah tamat kontrak kerana sekatan perjalanan.

"Pelaut juga merupakan kumpulan yang berisiko. Sekiranya mereka dijangkiti Covid-19 semasa kapal sedang belayar mereka mungkin terpaksa menunggu beberapa hari malah lebih seminggu untuk sampai ke pelabuhan dan mendapatkan bantuan perubatan," menurut kenyataan tersebut.



Terdapat juga sesetengah pelabuhan yang menyekat bantuan kepada pelaut atau memberi bantuan dengan karenah birokrasi yang amat tinggi, jelas kenyataan itu.

Menurut Ikmal, Dewan Perkapalan Antarabangsa (ICS) turut menggesa supaya pelaut diberi keutamaan untuk divaksin dengan segera, dengan negara jiran Singapura juga mengumumkan keutamaan vaksin kepada pelaut.

Save up to 74% Off

Big savings on Applecrumby™ baby essentials

Sehubungan itu, Ikmal akan berkomunikasi dengan agensi-agensi yang terlibat untuk membawa syor agar pelaut negara diberi keutamaan menerima vaksin itu kepada perhatian Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang merupakan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Pada 4 Februari lepas, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan memulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mulai hujung bulan ini dengan kerajaan menyasarkan 80 peratus populasi negara ini atau 26.5 juta individu menerima vaksin yang akan diberikan secara percuma dalam tiga fasa.

Fasa pertama dari Februari hingga April adalah untuk 500,000 petugas barisan hadapan yang terbabit secara langsung dalam memerangi wabak itu.

PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri

Baca cerita seterusnya

Fasa kedua dari A ... an kumpulan
rentan dengan m ... olongan orang
kurang upaya (Ok

Fasa ketiga pula adalah bagi golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas dari Mei ini hingga Februari tahun depan. - Bernama

Junta tentera Myanmar potong internet, lepas tembakan ×

Ikmal pelaut vaksin Covid-19 Covid-19

**TERKINI** | POPULAR

1 Junta tentera Myanmar potong internet, lepas tembakan
2 UMNO Sabah sasar 13 kerusi PRU15: Bung Moktar
3 Kadar jangkitan Covid-19 terus menurun: Dr Noor Hisham
4 Beri kebebasan media lapor berita benar, telus
5 Medium dakwah banteras rasuah

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

Apakah reaksi anda? 2 votes Powered by Vuukle

0% Gembira
0% Biasa Jer
0% Terhibur
0% Teruja
100% Marah
0% Sedih

100%

Komen

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

Baca cerita seterusnya ›

## Artikel Berkaitan




### Vaksin Covid-19 tidak semua menyembuhkan: Pakar

KUALA LUMPUR - Ketika penantian penuh harapan untuk mengetahui keputusan ujian ke atas manusia bagi sekurang-kurangnya satu vaksin koronavirus...



### Covid-19: Salah maklumat punca masyarakat keliru tentang vaksin

SHAH ALAM – Pertikaian berterusan pihak tidak bertanggungjawab mengenai perolehan vaksin Covid-19 oleh kerajaan akan menimbulkan 'vaccine...




### Rakyat usah khuatir, NPRA luluskan vaksin Covid-19 yang selamat

KUALA LUMPUR - Menganalisis data untuk memilih vaksin Covid-19 yang terbaik dan tepat buat rakyat Malaysia sangat penting untuk memastikan rakyat...



### 6.4 juta rakyat Malaysia bakal terima vaksin Covid-19: PM

PUTRAJAYA - Malaysia bakal menerima sebanyak 12.8 juta dos vaksin koronavirus (Covid-19) bagi menampung keperluan imunisasi untuk 20 peratus atau 6.4...




### KKM guna kaedah 5P dalam pengurusan pemerolehan vaksin

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberi fokus kepada lima aspek (5P) dalam menguruskan pemerolehan dan penggunaan vaksin...



### Penjelasan keselamatan vaksin Covid-19 perlu telus

KUALA LUMPUR - Ketelusan kerajaan memberikan penerangan jelas mengenai keselamatan vaksin Covid-19 kepada masyarakat, amat penting dalam memastikan...

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

Baca cerita seterusnya ›

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mungkin dilaksanakan semula untuk ganti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Beliau berkata, pasangan suami isteri jarak jauh dibenar …

**Sinarharian**

**Tahun Baharu Cina mesti ada Lou Sang, kan? Jom cuba resipi kami & menang besar!**

**Nestle Maggi** | Sponsored

**Unlimited access to Bloomberg.com at 50% off.**

**Bloomberg**

Subscribe Now

**Viky Zip-Front Flared Blouse - Caramel/Navy**

RM63.20

**Poplook**

Shop Now

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

Baca cerita seterusnya ›

**Tahun Baharu Cina mesti ada Lou Sang, kan? Jom cuba resipi kami & menang besar!**
Nestle Maggi

**Nak Bina Rumah Sendiri? Jom Mohon Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB!**
iProperty.com.my

**Hilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!**
BERITA & SAINS MALAYSIA

**1 Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**
Ultra Fast Keto Boost

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
ketoslim

**Rumah Berkonsep Ala Inggeris Yang Dihiasi Dengan Bahan Terpakai**
iProperty.com.my

Sponsored Links by Taboola

**PKPB mungkin dilaksanakan semula untuk ganti PKP: Ismail Sabri**

Baca cerita seterusnya ›